

# BEACOLUX TABLET ENTERIC COATED

Bisacodyl (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beacolux
2. Bagaimana Beacolux berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beacolux
4. Cara menggunakan Beacolux
5. Semasa menggunakan Beacolux
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beacolux
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Beacolux

Ubat ini digunakan untuk merawat sembelit, membuang sisa-sisa dalam usus besar sebelum memulakan prosedur radiologi, endoskopi dan pembedahan.

## Bagaimana Beacolux berfungsi

Beacolux mengandungi bahan aktif Bisacodyl. Bisacodyl meningkatkan gerakan usus dengan tindakan pada dinding dalam usus besar. Kesan ini membentuk najis yang lembut.

## Sebelum menggunakan Beacolux

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Bisacodyl, bahan aktif atau sebarang kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini

Jangan mengambil Beacolux jika usus tersumbat yang memerlukan pembedahan.

Jangan mengambil Beacolux selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda koyakan atau dibuka pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - Sebelum menggunakan Beacolux

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil. Adalah disyorkan supaya mengelak daripada mengambil Beacolux jika hamil.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh bertindak balas dengan Beacolux. Walau bagaimanapun, tiada tindak balas yang dikenal pasti buat masa ini.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Beacolux.

## Cara menggunakan Beacolux

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahannya mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Ambil 2 biji sebelum tidur untuk menghasilkan 1 atau 2 kali pembuangan air besar pagi esok. Jika dimakan setengah jam sebelum sarapan pagi, kesannya boleh diperolehi 5 jam kemudian. Dalam keadaan serius, dos boleh ditingkatkan kepada 4 biji.

Ubat harus ditelan, tidak boleh dikunyah atau dipecahkan, tidak boleh diambil dalam satu jam selepas mengambil antasid atau susu.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda sebelum tidur seperti yang diarahkan oleh doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Beacolux selagi diarahkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Anda harus mengambil ubat ini seperti yang dinasihatkan dan mengikut arahan yang diberi dengan teliti.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Beacolux, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Penggunaan secara berpanjangan atau pengambilan yang berlebihan boleh menyebabkan cirit-birit dengan kehilangan air dan elektrolit.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Beacolux

### - Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Beacolux untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Beacolux mempengaruhi anda.

**Kesan-sesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang-kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Bisacodyl mungkin menyebabkan ketidakselesaan perut seperti kejang.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Beacolux**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering. Jauhi dari cahaya.

Jangan simpan Beacolux atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Beacolux atau ubat ini sudah melepas tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Pil berdiameter 5.5mm, berbentuk bulat, cembung, bersalut enterik, berwarna kuning.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Bisacodyl
- Bahan tidak aktif
  - Corn starch
  - Lactose monohydrate
  - Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19912671XZ

**Pengilang**

Upfa Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Upfa Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

29/05/2017

**Nombor Siri:**

BPFK (R4/1)260517/00117